



# SEMINAR KEBANGSAAN FIQH DAKWAH DALAM MALAYSIA MADANI

Tema: Dakwah Lestari Masyarakat Madani

15 Oktober 2025  
(Rabu)

## BUKU ATUR CARA

Anjuran:

**Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,**

Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dengan Kerjasama:

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**

**SEMINAR KEBANGSAAN**  
**FIQH DAKWAH**  
**DALAM MALAYSIA MADANI**

Tema: Dakwah Lestari Masyarakat Madani

**BUKU ATUR CARA**

15 Oktober 2025 (Rabu)

08.00 pagi - 05.00 petang

Bilik Senat & Fakulti Pengajian Islam, Universiti

Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

Penyunting:

Hasanah binti Abd Khafidz

Rosmawati binti Mohamad Rasit

Muhammad Faizal Mohd Akhir



# KATA ALUAN

## KETUA PENGARAH

### JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama menjayakan Seminar Kebangsaan Fiqh Dakwah dalam Malaysia Madani (SKFDMM) 2025 yang bertemakan “Dakwah Lestari Masyarakat Madani”. Tahniah diucapkan kepada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan atas penganjuran seminar ilmiah yang amat penting ini. Malaysia MADANI yang diilhamkan sebagai kerangka pembangunan negara menekankan enam nilai teras Kemampunan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan, dan Ihsan yang saling melengkapi. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, nilai-nilai ini amat relevan dalam membentuk masyarakat yang harmoni dan berdaya saing. Dakwah yang berpaksikan kefahaman fiqh yang menyeluruh amat diperlukan agar Islam dapat difahami, dihayati, dan diamalkan dalam suasana kepelbagaian.



JAKIM melihat seminar ini sebagai medan strategik bagi menghimpunkan para sarjana, pendakwah, dan pemikir untuk berkongsi idea serta pengalaman dalam mengarusperdanakan dakwah yang inklusif dan mesra masyarakat majmuk. Sub-tema yang pelbagai seperti komunikasi, kenegaraan, ekonomi, maqasid syariah dan *wasatiyyah* menzahirkan usaha komprehensif ke arah membina metodologi dakwah yang seimbang antara prinsip dan realiti semasa.

Saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan seminar ini, khususnya UKM sebagai penganjur dan para pembentang yang menyumbang pemikiran bernas. Semoga resolusi dan cadangan yang dihasilkan menjadi panduan praktikal kepada pendakwah, penggubal dasar dan masyarakat, seterusnya memperkukuh kedudukan Islam sebagai *rahmatan lil-'alamin* di bumi Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimie  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

# KATA ALUAN

## DEKAN FAKULTI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Seminar Kebangsaan Fiqh Dakwah dalam Malaysia Madani (SKFDMM) 2025 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sebagai Dekan Fakulti Pengajian Islam, saya amat berbesar hati menyambut para ilmuwan, pendakwah, dan penggiat masyarakat ke program yang dianjurkan oleh Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan. Penganjuran seminar ini membuktikan kesungguhan Fakulti Pengajian Islam serta Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan dalam memperkukuh peranan ilmu dan dakwah dalam memandu dan membimbing masyarakat.



Gagasan Malaysia MADANI menuntut kefahaman mendalam serta kesediaan untuk menggabungkan prinsip ketetapan (*al-thabat*) dengan keluwesan (*al-murunah*). Enam nilai teras MADANI, iaitu kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan adalah panduan penting dalam usaha menyantuni kepelbagaian budaya, bangsa, dan agama di Malaysia. Fiqh dakwah yang menyeluruh amat diperlukan bagi memastikan mesej Islam terus difahami, dihayati dan diamalkan dalam kerangka masyarakat majmuk ini.

Dengan tema “Dakwah Lestari Masyarakat Madani”, seminar ini menjadi platform para ahli akademik dan pengamal dakwah mengemukakan idea dan kajian yang relevan untuk diamalkan pada zaman yang penuh cabaran. Perbincangan yang merangkumi pelbagai sub-tema seperti komunikasi, sosiologi, psikologi, kepimpinan, budaya dan ekonomi diharap mampu melahirkan pendekatan dakwah yang kreatif, segar dan praktikal, sejajar dengan realiti semasa atau *fiqh al-waqi'* khususnya dalam konteks iklim dan ekosistem dakwah Malaysia.

Bagi pihak Fakulti, saya merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua pembentang, peserta dan jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus lumus menjayakan program ini. Ucapan penghargaan juga kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai rakan kerjasama atas sokongan padu yang tidak terhingga selama ini. Semoga seminar ini memberi sumbangan bermakna kepada pengukuhan fiqh dakwah dan penghayatan Malaysia MADANI dalam melahirkan generasi *al-Falah*. Sekian, terima kasih.

*Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

YBrs. Prof. Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim  
Dekan Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

# URUS SETIA

## **Penaung Kehormat**

YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimee  
Ketua Pengarah JAKIM

YBhg. Prof. Dr. Sufian Jusoh  
Naib Canselor UKM

## **Penasihat**

Brigedier Jeneral Datuk Haji Mohd Ajib Ismail  
Timb. Ketua Pengarah JAKIM (Operasi)

Prof. Dato' Dr Mohd Izhar Arif Mohd Kashim  
Dekan Fakulti Pengajian Islam, UKM

Prof. Dr Abdul Ghafar Don  
Pengerusi Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM

## **Pengarah Bersama**

Dr Zulkefli Aini  
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM

Dr Muhammad Yamin Ismail  
Pengarah Kanan, Bahagian Dakwah JAKIM

## **Timbalan Pengarah**

Ustaz Anuar Puteh  
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, FPI, UKM

Ustaz Osman bin Abu Bakar  
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, JAKIM

## **Setiausaha**

Dr Siti Jamiaah Abd Jalil  
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, FPI, UKM

## **Bendahari**

Dr Siti Aishah Yahya  
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, FPI, UKM

# URUS SETIA

## **Publisiti & Seranta**

Dr Hasanah Abd Khafidz  
Prof. Madya Dr Rosmawati Mohamad Rasit

Ustaz Muhammad Faizal Mohd Akhir  
Ustazah Asniati Mohd Ali  
Puan Nur Adlina Safian

Muhammad Haziq Mohd Mohyodin  
Sharifah Nur 'Aisyah Syed Husin Jamil Kechil  
Sumayyah Mohamad Fadzilah

## **Protokol & Perjalanan Sidang**

Dr Abu Dardaa Mohamad  
Prof. Madya Dr Razaliegh Mohamat@Kawangit  
Dr Mohamad Zulkifli Abdul Ghani  
En. Muin Abd Aziz

Ustazah Armi Halit  
Ustazah Rohani Abdullah

Dia Kristina Rosli  
Mohamad Fitri Fadhilah Mohamad  
Muhammad Aizad Wajdi Muhammad Ghazali  
Muhammad Fadhlán Fahrórrazi  
Muhammad Syazwan Aiman Mohd Noor  
Noor Ameera Syafiqah Noor Liza  
Noor Fathin Shabirah Abdullah  
Nor Aulia Urahmah Burhan  
Nur Aleeya Maisara M.Amin  
Muhammad Afif Wijdan Norazman

## **Kertas Kerja, Prosiding & Penerbitan**

Dr Khazri Osman  
Prof. Dr Salasiah Hanin Hamjah  
Dr Zulkefli Aini

Nur Ismahani Hilmi  
Umar Yasir Norisham

# URUS SETIA

## **Logistik & Teknikal**

Dr Muhamad Faisal Ashaari

Dr Ahmad Irdha Mokhtar

Ahmad Umar Usamah Mohd Dasuki

Aiman Syairazi Aidi Razi

Muhammad Nur Alif Muzafar Nor

## **Pendaftaran & Cenderamata**

Prof. Madya Dr A`Dawiyah Ismail

Prof. Dato' Dr Fariza Md Sham

Abdul Razak Ambo Asse

Aqilah Hadirah Abdul Quddoos

Muhammad Afiq Helmy Helmy Murad

Muhammad Hasan Faizul Hafizi

Nurdaliela Aqielah Mohd Junaidy

Nureen Mastura Muhammad Roslan

## **Jamuan**

Dr Nur A'thiroh Masyaa'il Tan

Puan Lela Manja Rohaizat

Cik Nur Intan Farhana Fadzely

Ustaz Mohd Hamdan Mohamed Nordin

Ustaz Muhammad Badri Ramli

Puan Norhayati Abdullah Thani

Aufa Nabil Baihaqi Mohd Khazani

Muhammad Nu'man Wajdi Burhanudin

Nur Alia Shafina Hasdi

Syed Muhammad Syazwan Wan Salman

Wahyeena Zainal Azira

Wan Harraz Muqri Wan Haswady

Wan Nuriffah Radhiah Wan Nasri

# ATUR CARA

Masa	Acara	Tempat
8.00 pagi	Kehadiran Dan Pendaftaran Peserta	Ruang legar Bilik Senat (Aras 5, Bangunan Canselori UKM)
8.30 pagi	Minum Pagi	Dewan Bankuasi (Aras 1, Bangunan Canselori UKM)
<b>Pembentangan Kertas Kerja Jemputan</b>		
9.00 – 10.45 pagi	<p>Pembentangan 1 Pembentang: <b>Prof. Dr. Abdul Ghafar Don,</b> Pengerusi Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Tajuk: Fiqh Dakwah dan Multi Etnik di Malaysia</p> <p>Pembentangan 2 Pembentang: <b>Dr Hj. Ann Wan Seng,</b> Ahli Majlis Kebangsaan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Tajuk: Fiqh Dakwah kepada Masyarakat Cina</p> <p>Pembentangan 3 Pembentang: <b>En Shah Kirit Kakulal</b> Govindji Presiden Global Unity Network Tajuk: Fiqh Dakwah dalam Dailog Interfaith.</p> <p>Sesi Soal Jawab</p>	Bilik Senat
<b>Ucaptive</b>		
11.00 pagi – 11.45 tengahari	<p>Ucaptive Pembentang: <b>Dr Muhammad Yamin Ismail</b> Pengarah Kanan, Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Tajuk: Fiqh Dakwah dalam Malaysia Madani</p>	Bilik Senat

Majlis Perasmian		
12.00 tengahari - 1.00 petang	Ketibaan tetamu	Bilik Senat
	Ucapan aluan Pengerusi Majlis	
	Lagu Negaraku Lagu Varsiti kita Bacaan Doa	
	Ucapan Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia <b>Prof. Dato' Dr Mohd Izhar Arif Mohd Kashim</b>	
	Ucapan Perasmian Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia <b>Prof. Dr. Sufian Jusoh</b>	
	Penyampaian cenderamata Sesi bergambar	
	Majlis tamat	
Makan tengahari	Dewan Bankuasi	
Solat/Rehat		
Pembentangan Selari		
2.15 – 4.15 petang	Sidang 1 Sidang 2 Sidang 3 Sidang 4 Sidang 5	Bilik Senat/ Bilik Bitara Fakulti Pengajian Islam/ Pelantar dalam Talian
Majlis Penutup		
4.30 petang	Tetamu mengambil tempat	Bilik Senat
4.40 petang	Ucapan pengerusi majlis	
	Bacaan doa	
	Ucapan: <b>Ustaz Osman bin Abu Bakar</b> Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pengurusan Masjid Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)  <b>Prof. Dr Abdul Ghafar Don</b> Pengerusi Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia	
5.00 petang	Bersurai	

# UCAPTAMA



**Dr Muhammad Yamin Ismail**  
Pengarah Kanan, Bahagian Dakwah JAKIM

# PEMBENTANG JEMPUTAN



**Prof. Dr. Abdul Ghafar Don**  
Pengerusi  
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan,  
Fakulti Pengajian Islam, UKM



**Dr Hj. Ann Wan Seng**  
Ahli Majlis Kebangsaan  
Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia  
(PERKIM)



**En Shah Kirit Kakulal Govindji**  
Presiden  
Global Unity Network

# ABSTRAK

## Fiqh Dakwah dalam Masyarakat Multi Etnik di Malaysia

Abdul Ghafar Bin Don

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

Sebagai sebuah negara yang dilatari oleh masyarakat majmuk dengan pelbagai etnik, Malaysia menjadi hub dakwah yang penting di rantau Asia Tenggara berdasarkan faktor sejarah, kepimpinan, pengurusan hal ehwal Islam yang berstruktur dan iklim politik yang masih dikira aman. Kemajmukan ini memerlukan pendekatan dakwah yang relevan, sesuai dan harmoni. Kertas ini cuba mengupas konsep fiqh dakwah dan bagaimana ia boleh berperanan dalam konteks dakwah terhadap masyarakat majmuk di Malaysia. Dalam hal ini, fiqh dakwah yang fleksibel dan inklusif dapat memupuk keharmonian serta mengurangkan konflik antara etnik, kepercayaan dan agama yang berbeza. Melalui analisis literatur dan pengalaman di lapangan mendapati perlunya pendekatan yang inklusif dan akomodatif berdasarkan penguasaan terhadap fiqh dakwah terhadap aspek budaya dan identiti etnik dalam usaha menyebarkan dakwah yang berkesan di Malaysia. Kesimpulannya, fiqh dakwah memainkan peranan penting dalam memastikan Islam dapat diterima secara harmoni dalam masyarakat majmuk Malaysia yang beragama kepercayaan, adat dan budaya etnik yang pelbagai. Adalah penting para pendakwah menguasai fiqh dakwah dalam memastikan mesej dakwah diterima baik *mad'u* seterusnya mengelakkan fitnah terhadap agama.

**Kata kunci:** fiqh dakwah, multi etnik, inklusif, fleksibel, akomodatif.

## Kreativiti Seni Dari Perspektif Islam Sebagai Medium Dakwah Dan Kaunseling

Norazman Amat

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Kehidupan manusia yang semakin mencabar hari ini amat memerlukan bimbingan dan panduan seorang profesional yang terlatih dan keinginan untuk membantu yang mendalam. Kepakaran yang ada akan lebih mudah diterima apabila pendekatan yang digunakan bersesuaian dengan nilai dan isu yang dihadapi oleh klien yang ingin dibantu. Pendekatan yang dilakukan perlu mengambilkira latarbelakang diri klien yang berbeza-beza. Bahkan pendekatan yang digunakan dapat diterima dengan mudah dan memberikan keselesaan kepada klien yang menerima bantuan. Justeru satu pendekatan yang kreatif, seronok dan semulajadi yang dinamakan Islamic Creative Art Therapy ( I-CAT). Pendekatan ini diubahsuai sebagai alternatif yang boleh digunakan untuk memahami isu yang dihadapi klien terutama dari sudut spiritual klien. I-CAT boleh dijadikan satu medium perawatan secara peribadi dan semulajadi tanpa memerlukan kaunselor untuk memprosesnya iaitu hanya sebagai terapi diri sahaja (I-CAT as Therapy). Manakala I-CAT juga boleh digunakan sebagai terapi perawatan dan pemulihan diri (I-CAT in Therapy) apabila klien perlu dibantu dari sudut kefahaman terhadap isu dan tindakan yang wajar untuk menangani isu yang dihadapi dan dibincangkan bersama kaunselor. Justeru I-CAT bukan sahaja sebagai medium perkongsian kaunselor dan klien tetapi juga menjadi wasilah dakwah tidak langsung bagi membantu proses perubahan keadaan dan harapan klien terhadap kehidupannya. Kreativiti kaunselor dalam menggunakan pendekatan I-CAT mampu membina kefahaman klien mengenai kehidupan yang ditakdirkan dan belajar untuk menerima realiti kehidupan yang hakiki. Justeru peranan kaunselor sebagai pemudahcara isu klien dapat membantu celik akal dan emosi klien dengan penggunaan kreativiti I-CAT.

**Kata kunci:** Pendekatan, Kreatif, seronok, semulajadi, I-CAT, spiritual, terapi diri, terapi perawatan dan pemulihan diri, wasilah dakwah.

# **Peranan Kaunseling Islam dalam Menangani PPD (Postpartum Depression) dalam Kalangan Wanita Muslim: Pendekatan Dakwah**

**Syairah Binti Said & A'dawiyah Ismail**

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

\*Corresponding author: syairahsaid00@gmail.com

Kemurungan postpartum (Postpartum Depression, PPD) atau meroyan semakin mendapat perhatian kerana memberi kesan besar terhadap kesejahteraan ibu, perkembangan anak dan keharmonian keluarga. Dianggarkan 10% hingga 20% wanita selepas bersalin mengalami PPD yang melibatkan aspek emosi, psikologi dan spiritual. Bagi wanita Muslim, keadaan ini turut menjejaskan keutuhan institusi keluarga dan masyarakat. Justeru, diperlukan pendekatan holistik yang menggabungkan psikologi, keagamaan, dan psikospiritual. Kaunseling Islam menawarkan penyelesaian melalui integrasi dakwah dan psikospiritual berasaskan al-Quran dan sunnah. Kajian ini bertujuan meneroka peranan kaunseling Islam dalam menangani PPD dalam kalangan wanita Muslim dengan menekankan dua pendekatan utama iaitu dakwah dan psikospiritual. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan meneliti kandungan dokumen klasik dan kontemporari seperti karya al-Ghazali, modul kaunseling Islam, artikel akademik dan laporan kesihatan antarabangsa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan dakwah memberi penekanan kepada nilai kasih sayang, sabar dan tawakkal sebagai sokongan emosi manakala pendekatan psikospiritual menekankan amalan tazkiyah al-nafs, muraqabah, muhasabah, doa dan zikir sebagai terapi kerohanian yang berkesan dalam menstabilkan emosi serta memperkukuh hubungan dengan Allah SWT. Secara keseluruhan, hasil kajian menegaskan bahawa kaunseling Islam bukan sahaja relevan sebagai rawatan alternatif PPD malah mampu menjadi pelengkap kepada kaedah konvensional seperti terapi kognitif-tingkah laku dan rawatan ubatan. Kesimpulannya, walaupun cabaran seperti stigma masyarakat dan kekangan kajian, kaunseling Islam tetap berpotensi untuk diperkukuh sebagai sebahagian daripada sokongan dalam sistem kesihatan mental di Malaysia.

**Kata kunci:** Postpartum Depression (PPD), meroyan, kaunseling Islam, dakwah, psikospiritual.

## **Perkaitan Motivasi dan Dakwah Terhadap Fomofobia Dalam Kalangan Mahasiswa Asnaf**

**Nazhatul Ain Binti Hisamudin\* & Mohammad Kazim Bin Abdul Hamid**

Kolej Profesional MAIWP, Maluri, Kuala Lumpur

\*Corresponding author: nazhatulain@kpmaiwp.edu.my

Kajian ini meneliti fenomena Fear of Missing Out (FoMO) atau fomofobia dalam kalangan mahasiswa asnaf serta kaitannya dengan dakwah dan motivasi akademik. Reka bentuk penyelidikan ini adalah kuantitatif berbentuk tinjauan dengan melibatkan 171 orang responden yang dipilih secara rawak berstrata. Instrumen kajian berupa soal selidik berstruktur yang mengandungi item berkaitan demografi, kecenderungan FoMO, tingkah laku mengikuti tren, kesedaran nilai Islam, serta persepsi terhadap motivasi pembelajaran. Analisis data dijalankan menggunakan statistik deskriptif dan interpretasi perbandingan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap FoMO dalam kalangan pelajar berada pada paras yang ketara, terutamanya melalui penggunaan media sosial TikTok (80.3%) sebagai pemicu utama. Sebahagian besar pelajar (71.8%) mengakui terdorong mengikuti tren, manakala 81.2% pernah membeli produk atau makanan viral, dengan 68.1% mengakui penyesalan selepas pembelian. Walau bagaimanapun, nilai-nilai Islam seperti kesyukuran dan kepatuhan ibadah terbukti berfungsi sebagai mekanisme kawalan, apabila majoriti responden tidak terpengaruh sehingga mengabaikan solat atau merasakan kekurangan dalam hidup. Dari segi motivasi akademik, dapatan menunjukkan wujud jurang antara persepsi ideal dan pengalaman sebenar; hanya 34.3% benar-benar merasakan FoMO memberi kesan positif kepada motivasi pembelajaran, manakala majoriti (65.7%) meragui atau menolak kaitan tersebut. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan keperluan intervensi literasi digital dan pengukuhan nilai Islam yakni dakwah bagi membantu pelajar mengurus pengaruh FoMO agar tidak menjejaskan kesejahteraan akademik dan kerohanian mereka.

**Kata kunci:** fomofobia, dakwah, motivasi, mahasiswa, asnaf

# Persepsi Pegawai Bahagian Dakwah Pejabat Agama Islam Daerah Jasin (PAIDJ) Terhadap Teknologi AI Dalam Memperkasakan Dakwah Mualaf (Saudara Baharu)

Nur Fatimah Binti Abdul Samad

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

\*Corresponding author: P153436@siswa.ukm.edu.my

Kajian ini meneliti persepsi pegawai Bahagian Dakwah di Pejabat Agama Islam Daerah Jasin (PAID Jasin) terhadap penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam memperkukuh usaha dakwah kepada golongan mualaf. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual separa berstruktur melibatkan dua orang pegawai dakwah yang berpengalaman menguruskan program bimbingan mualaf. Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti corak pemikiran, pengalaman dan tahap kesediaan pegawai terhadap aplikasi AI dalam konteks dakwah. Hasil kajian menunjukkan bahawa AI mempunyai potensi besar sebagai medium dakwah moden kerana mampu menyediakan akses maklumat Islam secara cepat, fleksibel, dan mesra pengguna. AI juga dilihat dapat mengurangkan rasa segan mualaf untuk bertanya isu-isu asas agama, di samping membantu menyediakan jawapan segera, sokongan dalam pelbagai bahasa serta kemudahan capaian tanpa batasan masa dan lokasi. Walau bagaimanapun, dapatan turut mendedahkan cabaran utama penggunaan AI iaitu kekeliruan maklumat apabila jawapan yang diberikan bercanggah dengan ulama, keterbatasan capaian teknologi khususnya dalam kalangan mualaf Orang Asli, serta kebimbangan terhadap autoriti ilmu yang hanya boleh dijamin melalui bimbingan insani. Kajian ini merumuskan bahawa AI tidak boleh menggantikan sepenuhnya peranan pendakwah, sebaliknya perlu difahami sebagai instrumen pelengkap yang menyokong usaha dakwah. Implikasi kajian menegaskan bahawa pihak berautoriti agama perlu memberi pendedahan, latihan, dan garis panduan penggunaan AI agar ia dapat dimanfaatkan secara beretika, selaras dengan maqasid syariah dan sensitiviti budaya masyarakat. Secara keseluruhannya, integrasi AI dalam dakwah Islam kepada mualaf perlu dilaksanakan dengan seimbang antara inovasi teknologi dan sentuhan insani, supaya mesej Islam dapat disampaikan secara autentik, relevan dan berkesan dalam era digital.

**Kata kunci:** Dakwah Islam, kecerdasan buatan AI, mualaf, Pejabat Agama Islam Daerah Jasin (PAID Jasin), analisis tematik, dakwah digital

## Kearifan Tempatan sebagai Asas Fiqh al-Da'wah: Kajian Kes Komuniti Orang Asli Semai di Cameron Highlands, Malaysia

Zulkefli Aini\*, Abdul Ghafar Don & Anuar Puteh

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

\*Corresponding author: zulaini@ukm.edu.my

*Fiqh al-da'wah* menekankan bahawa usaha dakwah perlu dilaksanakan dengan penuh hikmah, kepekaan konteks, serta keselarasan dengan realiti komuniti sasaran. Bagi masyarakat Orang Asli seperti Semai di Cameron Highlands, kearifan tempatan berfungsi sebagai rujukan penting untuk para pendakwah mengaplikasikan prinsip *fiqh dakwah* secara berkesan. Kajian ini meneliti bagaimana pengetahuan budaya Semai boleh diintegrasikan ke dalam pendekatan dakwah yang lebih menghormati serta memberi impak. Menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif, data dikumpulkan melalui kajian dokumen dan temu bual mendalam bersama enam orang informan Semai. Analisis tema mengenal pasti enam kategori kearifan tempatan iaitu kemahiran tangan, falsafah, amalan sosial, kepimpinan, pengetahuan perubatan, dan kemahiran survival. Unsur-unsur ini mencerminkan pandangan hidup Semai dan boleh menjadi panduan dalam merangka strategi dakwah yang selari dengan nilai *fiqh dakwah* seperti beransur-ansur (*tadarruj*), kesesuaian (*mulā'imah*), serta penghormatan terhadap maruah insan. Dapatan menunjukkan bahawa penglibatan dengan kearifan tempatan membolehkan pendakwah mengontekstualisasikan mesej Islam, memperkukuh kepercayaan masyarakat, serta mengekalkan identiti budaya sambil memperkenalkan nilai Islam. Kajian ini merumuskan bahawa pengintegrasian kearifan tempatan dalam *fiqh dakwah* bukan sahaja memperkaya komunikasi, malah memastikan bimbingan agama lebih relevan dengan realiti hidup komuniti Orang Asli.

**Kata kunci:** Dakwah, *Fiqh al-Da'wah*, Kearifan Tempatan, Orang Asli, Semai

# Literasi Zakat dalam Kalangan Mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Siti Syarwani Binti Ghazali & Siti Nur Azzyati Binti Saharuddin\*

Kolej Profesional MAIWP, Kuala Lumpur

\*Corresponding author: \*azzyati@kpmiwp.edu.my

Kesedaran dan kefahaman terhadap zakat dalam kalangan generasi muda, khususnya mahasiswa institusi pendidikan tinggi, masih dilihat berada pada tahap yang belum memuaskan. Hal ini amat membimbangkan kerana golongan mahasiswa merupakan aset penting negara yang bakal menjadi pemimpin dan penggerak masyarakat pada masa hadapan. Kajian ini dijalankan untuk meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap literasi zakat dalam kalangan mahasiswa, di mana literasi zakat merangkumi aspek pengetahuan, pemahaman, sikap serta kesedaran tentang kewajipan zakat. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah pengumpulan data melalui *stratified random sampling*, manakala analisis data dilakukan secara deskriptif bagi mengenal pasti pola dan tahap kefahaman responden. Dapatan kajian dijangka dapat memberi gambaran jelas mengenai tahap literasi zakat mahasiswa, termasuk cabaran yang dihadapi dalam memahami konsep serta pelaksanaan zakat dalam kehidupan seharian. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pihak berautoriti seperti institusi zakat dan pihak pengurusan pendidikan tinggi untuk merangka strategi yang lebih efektif dalam meningkatkan kesedaran zakat. Secara keseluruhannya, kajian ini berpotensi menyumbang kepada usaha pemerikasaan ilmu zakat dalam kalangan generasi muda, sekali gus menyokong agenda pembangunan modal insan berteraskan nilai Islam.

**Kata kunci:** Literasi zakat, mahasiswa, institusi pendidikan tinggi, kesedaran, kefahaman, kewajipan zakat.

## Madinah dalam al-Quran: Analisis Tematik terhadap Fiqh Dakwah ke Arah Pembangunan Masyarakat al-Falah

Siti Jamiaah Abdul Jalil\* & Muhamad Faisal Ash'aari

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

\*Corresponding author: sitijamiaah82@ukm.edu.my

Madinah merupakan simbol penting dalam sejarah Islam kerana menjadi asas pembinaan masyarakat berperadaban yang berpaksikan wahyu. Namun, istilah madīnah di dalam al-Quran turut dikaitkan dengan pelbagai permasalahan sosial. Kajian lepas menunjukkan bahawa pembangunan bandar sering disertai cabaran seperti jurang sosial, keruntuhan akhlak, konflik politik dan jenayah. Bagi menghadapi cabaran ini, fiqh dakwah bukan sekadar reaktif terhadap masalah sosial, tetapi perlu berpaksikan *al-falah* sebagai visi kejayaan menyeluruh yang menyeimbangkan pembangunan material dengan pengukuhan spiritual. Justeru, kajian ini menganalisis ayat-ayat al-Quran yang menyebut madīnah secara tematik bagi mengenal pasti gambaran masyarakat dan implikasinya terhadap fiqh dakwah kontemporari. Kajian ini menggunakan pendekatan tafsir tematik (*al-tafsīr al-mawdū'ī*) terhadap 17 ayat yang menyebut *madīnah* dan *madā'in*. Analisis melibatkan pengelompokan tema masyarakat, sintesis fiqh dakwah, serta penilaian berasaskan prinsip al-Falah. Dapatan menunjukkan masyarakat bandar digambarkan berada di bawah kuasa zalim, lemah akhlak dan beramal fasad, hidup dalam konflik dan ketakutan, menghadapi ancaman munafik, mementingkan diri, serta mengabaikan golongan lemah. Walau bagaimanapun, al-Quran turut menampilkan individu beriman yang menyokong kebenaran. Kajian ini memberi sumbangan baharu dengan menghubungkan analisis tematik ayat-ayat madīnah dengan fiqh dakwah dan konsep al-falah iaitu kejayaan dan kesejahteraan menyeluruh berasaskan iman, akhlak dan amal soleh bagi membina masyarakat yang seimbang antara pembangunan material dan pengukuhan spiritual. Implikasi kajian ini selari dengan gagasan Malaysia Madani, yang menuntut pembangunan bandar diukur bukan sahaja dari aspek fizikal, tetapi juga dari segi akhlak, keadilan sosial dan kesejahteraan ummah.

**Kata kunci:** Madinah, al-Quran, analisis tematik, fiqh dakwah, masyarakat *al-falah*

# Menyingkap Nilai Kesejahteraan dalam Tadbir Urus Wabak: Suatu Analisis terhadap Kitab “Ithaf al-Munsiffin” (1836)

Nurul Abrar Md Isa\*

Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

\*Corresponding author: nurulabrar@graduate.utm.my

Antonim bagi kata ‘kesejahteraan’ adalah kekacauan dan ke huru-haraan. Fenomena wabak yang bersifat rumit dan kompleks sering kali mencetuskan krisis sosial dan intelektual sehingga merencatkan kesejahteraan dalam ruang awam. Justeru, keperluan terhadap satu kerangka tadbir urus wabak yang bersepadu menjadi semakin mustahak. Makalah ini menyingkap nilai kesejahteraan dalam tadbir urus wabak dengan meneliti pengalaman sejarah melalui pemikiran Hamdan Khodja (1773-1842) menerusi karyanya “*Ithaf al-Munsiffin wa al-Udaba bi Mabahith al-Ihtiraz ‘an al-Waba’*” (1836). Kajian ini memberikan tumpuan kepada daya intelektual Khodja dalam mengharmonikan prinsip Maqasid Syariah dengan disiplin kesihatan awam dalam konteks konflik sosial dan keagamaan yang melingkari cetusan wabak kolera di Algeria. Dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan terhadap “*Ithaf al-Munsiffin*”, kajian ini mendapati bahawa Khodja mengkritik pemikiran fatalisme dan skeptisisme yang menatijahkan penolakan kuarantin serta kecenderungan *takfiri* sesama muslim. Sebaliknya, beliau menyeru kepada penilaian yang substantif terhadap mekanisme pencegahan wabak berdasarkan tujuan, kesan dan maslahat, bukan semata-mata simbolisme yang bersifat performatif. Kitab ini juga memperlihatkan keterbukaan terhadap manfaat praktikal sains Barat namun bukan secara permisif. Epistemologi mereka yang menyisihkan dimensi metafizik perlu ditolak. Dapatan ini menunjukkan bahawa konflik sosial yang berlaku dalam sejarah, meskipun tidak persis, namun polanya berulang ketika pandemik COVID-19. Justeru, pendekatan Khodja yang menawarkan titik keseimbangan dalam menanggapi wabak ini sejajar dengan gagasan Malaysia Madani yang mengangkat nilai kesejahteraan sebagai asas keharmonian negara. Pasca-pandemik ini, suatu penilaian semula terhadap prestasi tadbir urus wabak perlu dilaksanakan secara berstruktur bagi mendepani krisis wabak yang mendatang secara bersepadu, seterusnya mampu melestarikan kesejahteraan awam.

**Kata kunci:** Ithaf al-Munsiffin, Kesejahteraan, Malaysia Madani, Tadbir Urus, Wabak

# Self-Healing and Adolescent Mental Health (1975–2025): A Bibliometric Mapping and Its Implications for Islamic Counseling and Madani Society

Muhammad Zaqwan Yusuf\*, Siti Aishah Yahya & Salasiah Hanin Hamjah

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

\*Corresponding author: \*p148732@siswa.ukm.edu.my

Adolescent mental health has become a critical concern globally, as young people are increasingly exposed to stress, anxiety, and depression resulting from academic, social, and digital challenges. In this context, selfhealing has emerged as an important approach that emphasizes individuals’ active roles in restoring psychological balance through practices such as self-care, coping, and emotional regulation. Since the 1970s, research on self-healing and adolescent mental health has expanded significantly, yet the literature remains fragmented and lacks systematic synthesis. This study addresses this gap through a bibliometric analysis of publications indexed in Scopus between 1975 and 2025, focusing on the intersection of self-healing, mental health, and adolescents. Bibliometric data will be extracted and analyzed using VOSviewer to map publication trends, influential authors, institutional collaborations, and thematic keyword clusters. The analysis is expected to reveal major research hotspots, shifts in scholarly attention across five decades, and underexplored areas including cultural and faith-based perspectives. These findings are particularly relevant in the Malaysian context, where adolescent mental health is shaped by cultural and religious values. By situating self-healing within the broader discourse of Islamic counseling and dakwah, this study not only consolidates global knowledge but also contributes to strengthening sustainable dakwah efforts in the agenda of Malaysia Madani.

**Keywords:** Self-healing, Mental health, Adolescents, Bibliometric analysis, Dakwah.

# Legitimasi Prinsip Majoriti Dalam Penentuan Kebenaran Akidah: Kajian Teks Al-Bayhaqi Dari Perspektif Hadith

Syimir Asyraaf bin Eddie Halim\* & Roshimah binti Shamsudin

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

\*Corresponding author: syimiralin@student.usm.my

Artikel ini meneliti legitimasi prinsip majoriti dalam penentuan kebenaran akidah dengan memberi tumpuan khusus kepada pendekatan al-Bayhaqi (w. 458H) melalui analisis teks terhadap karya-karyanya. Prinsip majoriti yang sering dikaitkan dengan konsep al-sawad> al-a'zam atau al-jama'ah banyak digunakan dalam wacana teologi Islam, namun pergantungan kepada konsensus berbentuk bilangan semata-mata menimbulkan persoalan metodologi. Kajian ini menganalisis sanad dan matan hadis yang dihimpunkan oleh al-Bayhaqi dalam karya utama seperti al-Sunan al-Kubra, al-I'tiqad, al-Zuhd al-Kabir dan al-Asma' wa al-Sifat. Hasil dapatan menunjukkan bahawa al-Bayhaqi tidak memahami majoriti dalam erti kuantitatif semata-mata. Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa kebenaran mesti berasaskan kepada kesahihan riwayat, kesesuaiannya dengan al-Quran dan Sunnah, serta ijmak para Sahabat. Dalam isu akidah, majoriti hanya dianggap sah apabila berteraskan prinsip-prinsip tersebut. Al-Bayhaqi turut membezakan antara usul yang dipersetujui secara ijmak oleh para Sahabat dengan furu' yang terbuka kepada ijtihad dan perbezaan pandangan. Justeru, al-jama'ah menurut beliau merujuk kepada golongan yang berpegang kepada Sunnah dan ijmak, bukannya kelompok terbesar secara angka. Kajian ini menyumbang kepada kefahaman yang lebih mendalam tentang metodologi al-Bayhaqi dalam menilai dakwaan majoriti serta memperkayakan wacana berasaskan hadis mengenai konsep al-jama'ah. Dari sudut teori, ia menegaskan keperluan memahami prinsip majoriti secara kualitatif dan bukan kuantitatif semata-mata, serta membuka ruang kajian perbandingan dengan ulama mutaqqaddimun lain dalam konteks cabaran akidah semasa.

**Kata kunci:** al-Bayhaqi, prinsip majoriti, al-jama'ah, al-sawad al-a'zam, akidah metodologi hadith, ijmak sahabat

# Kajian Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Alam Sekitar dan Kesejahteraan Komuniti: Projek Tenaga Solar di Kampung Dagat, Sabah

Azrina binti Sobian\*, Norkumala Awang & Feezyha binti Azmi

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

\*Corresponding author: azrina@ikim.gov.my

Tanggungjawab sosial korporat atau *corporate social responsibility* (CSR) berasaskan alam sekitar bukan sahaja penting untuk imej syarikat tetapi memberikan impak yang besar terhadap alam sekitar dan kesejahteraan komuniti di samping dakwah tentang kelestarian alam itu sendiri. Inisiatif CSR turut menyokong agenda pembangunan mampan negara seperti yang diaspirasikan dalam teras nilai Malaysia MADANI. Banyak kajian lepas yang berkaitan manfaat CSR telah dilaksanakan. Namun, kebanyakan kajian melihat manfaat tersebut daripada perspektif firma perniagaan. Kajian berkaitan manfaat CSR dari perspektif masyarakat atau penerima manfaat jarang dilaksanakan sedangkan sudut pandang masyarakat penting untuk membantu syarikat korporat melaksanakan projek CSR yang lebih berkesan dalam konteks mencapai sasaran yang lebih tepat, membantu peningkatan komuniti sekaligus manfaat jangka panjang terhadap imej dan keuntungan syarikat. Berdasarkan kenyataan ini, kajian berkaitan projek CSR tenaga solar di Kampung Dagat, Sabah telah dijalankan untuk memahami secara mendalam berkenaan manfaat yang diperoleh oleh pihak komuniti terutamanya dari segi kesejahteraan hidup mereka dan kesan projek terhadap alam sekitar. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual mendalam separa struktur, dan hasil temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tema (*thematic analysis*). Kajian mendapati bahawa projek tenaga solar memberi manfaat dari segi meningkatkan tahap sosioekonomi, meningkatkan kualiti hidup, memberikan manfaat kepada alam sekitar serta meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar. Perspektif Islami berkaitan projek tenaga solar ini turut diperoleh hasil temu bual bersama pihak komuniti, iaitu kemudahan beribadah dan kemudahan untuk belajar ilmu agama. Dapatan kajian ini penting untuk syarikat korporat terutamanya dalam merangka projek CSR yang berkesan dan bermanfaat kepada komuniti sasaran serta menyokong agenda pembangunan mampan.

**Kata kunci:** Tanggungjawab sosial korporat, CSR, alam sekitar, kesejahteraan komuniti, tenaga solar

# Zionisme: Perspektif Islam dan Geopolitik Kontemporari Menurut Maqasid al-Syariah

Nurul Widyamirza binti Sujan @ Jan\* & Abdul Ghafar bin Don  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

\*Corresponding author: P153787@siswa.ukm.edu.my

Isu Zionisme terus menjadi antara polemik dan permasalahan global yang paling mencabar, khususnya kepada umat Islam yang terkesan secara langsung akibat penjajahan dan penguasaan tanpa belas dan perikemanusiaan. Zionisme, yang asalnya merupakan gerakan nasionalisme Yahudi untuk menubuhkan negara bangsa di Palestin telah berkembang menjadi satu strategi kuasa yang memberi kesan besar terhadap umat Islam, khususnya di Palestin. Dominasi Zionisme bukan sahaja mengancam kedaulatan tanah suci umat Islam, malah turut menimbulkan krisis kemanusiaan, penindasan berstruktur dan ketidakstabilan geopolitik yang berlarutan. Kajian ini menganalisis fahaman Zionisme dari perspektif Islam dan hubungannya dengan perkembangan geopolitik kontemporari terutamanya di Timur Tengah. Selain itu, kajian ini turut meneliti pandangan Islam terhadap Zionisme melalui al-Quran, al-hadis serta prinsip *maqasid al-syariah* bagi memahami kedudukannya dalam kerangka keadilan Islam. Menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kepustakaan yang mendalam, kajian ini mendapati bahawa Zionisme secara sistematik mencabar struktur *maqasid al-syariah* melalui penjajahan, penindasan dan dominasi ideologi. Usaha diplomatik sedia ada belum berlandaskan nilai Islam secara menyeluruh. Prinsip *hifz al-din* dicabuli melalui serangan ke atas Masjid al-Aqsa dan sekatan ibadah, prinsip *hifz al-nafs* terjejas akibat pembunuhan dan pemusnahan etnik rakyat Palestin yang tiada berkesudahan. Prinsip *Hifz al-aql* dilemahkan melalui kawalan maklumat dan naratif. Prinsip *hifz al-nasl* tergugat akibat pemindahan paksa rakyat pribumi keluar dari tanah sendiri manakala *hifz al-mal* dilanggar melalui rampasan tanah dan sekatan ekonomi. Hal ini membuktikan bahawa Zionisme jelas memberi ancaman serius terhadap *maqasid al-syariah*, sistem keadilan dan hak asasi manusia serta menggugat keutuhan ummah. Kajian ini akhirnya mencadangkan strategi Islam berasaskan keadilan dan solidariti ummah untuk mendepani musibah ini. Dalam konteks geopolitik kontemporari, kajian ini turut mengusulkan pendekatan strategik berasaskan nilai Islam untuk mengatasi dominasi Zionisme dalam kerangka geopolitik semasa. Diharapkan kajian ini dapat memperkukuhkan kesedaran global terhadap ancaman Zionisme dan memberikan cadangan solusi yang komprehensif dan berkesan untuk menangani krisis ini demi kesejahteraan ummah sejagat.

**Kata kunci:** Zionisme, Perspektif Islam, Geopolitik, Maqasid al-Syariah, Palestin, Keamanan Global

## Peletakan Tasawur Islam Sebagai Acuan Pembangunan Malaysia-Madani (PMM)

**Mohd Shukri Hanapi\* & Siti Jalilah Ahmad**

Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang

\*Corresponding author: hshukri@usm.my

Malaysia-Madani merupakan satu gagasan pembangunan negara yang baharu diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia Ke-10, Dato' Seri Anwar Ibrahim iaitu pada 19 Januari 2023. Sebagai sebuah gagasan pembangunan negara yang baharu, perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah aspek acuannya. Hal ini lebih-lebih lagi kerana "Malaysia-Madani" ini merupakan salah satu daripada pembangunan berteraskan Islam (PBI), maka acuannya mestilah berasaskan tasawur PBI (T-PBI), iaitu tasawur Islam itu sendiri. Persoalannya, kenapakah perlu diletakkan tasawur Islam sebagai acuan PMM? Apakah kekuatan tasawur pembangunan Malaysia-Madani (TPMM) yang beracukan tasawur Islam? Berhubung isu inilah maka kajian kualitatif ini dilakukan. Semua datanya bersumberkan dokumen-dokumen yang berkaitan gagasan Malaysia-Madani, tasawur Islam dan T-PBI. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti dan mencadangkan idea awal berhubung T-PMM. Sebagai hasilnya, kajian ini mendapati peletakan tasawur Islam sebagai acuan PMM adalah penting kerana PMM merupakan salah satu daripada pendekatan PBI. Mana mungkin PMM dikatakan pendekatan Islam sedangkan acuannya tidak berasaskan tasawur Islam. Paling menariknya, elemen tunjang dalam T-PMM ini adalah bertauhidkan Allah SWT dan bermatlamat untuk mencapai keredaan Allah SWT. Semua ini untuk menghindari umat Islam daripada terus beracukan tasawur lazim yang bersumberkan akal pemikiran

pemikir-pemikir Barat semata-mata. Bukan setakat itu, malah ia juga sebagai usaha untuk menghindari pendekatan yang berbentuk akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-modifikasi dalam pembinaan T-PMM.

**Kata kunci:** Peletakan, Tasawur Islam, Acuan, Malaysia-Madani, Pembangunan Berteraskan Islam

## **Pemahaman Zikir dalam Kalangan Pelajar Ijazah Tinggi**

**Mohamad Ehsan Bin Seabri\* & Roshimah Binti Shamsudin**

Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang

\*Corresponding author: m.ehsanseabri89@gmail.com

Zikir merupakan amalan spiritual yang ditegaskan dalam al-Quran dan hadith Nabi Muhammad SAW sebagai jalan utama mendekati diri kepada Allah serta memperoleh ketenangan jiwa. Walaupun kedudukannya penting, kajian menunjukkan bahawa pemahaman terhadap konsep zikir dalam kalangan pelajar ijazah tinggi masih berdepan dengan cabaran kerana kecenderungan merujuk sumber yang kurang berautoriti. Hal ini menimbulkan risiko tafsiran yang salah serta pengamalan yang menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar. Justeru, kajian ini dijalankan dengan objektif untuk meneliti tahap pemahaman pelajar ijazah tinggi terhadap konsep zikir, mengenal pasti isu-isu utama dalam rujukan mereka, serta menekankan kepentingan sumber sahih seperti al-Quran dan kitab syarah hadith ulama muktabar. Kajian ini menggunakan kaedah Nominal Group Technique (NGT) yang melibatkan lima orang pakar dalam bidang pengajian Islam. Melalui perbincangan berfokus selama dua jam, data dikumpul bagi mengenal pasti kecelaruan pemahaman dan cadangan penyelesaian. Dapatan menunjukkan wujud kecenderungan dalam kalangan pelajar untuk memahami zikir secara umum tanpa penekanan kepada kesahihan sumber, yang akhirnya menyebabkan kekeliruan dalam pengamalan. Kelima-lima pakar bersepakat bahawa pengukuhan pemahaman zikir perlu dilaksanakan berasaskan rujukan yang sahih dan disokong oleh pandangan ulama muktabar. Implikasi kajian ini menegaskan bahawa institusi pengajian tinggi perlu memperkukuh kurikulum serta pendekatan pengajaran agar pelajar memperoleh kefahaman zikir yang benar, seterusnya mengamalkannya secara sahih dalam kehidupan beragama.

**Kata kunci:** Zikir, Pelajar Ijazah Tinggi, Pemahaman Islam, Syarah Hadith, Konteks Agama.

## **Konsep Nilai Hormat dalam Fiqh Dakwah: Relevansi terhadap Pembinaan Keluarga Malaysia Madani**

**Suwaibah binti Affandy\***

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

\*Corresponding author: p136968@siswa.ukm.edu.my

Keluarga merupakan asas kepada kesejahteraan masyarakat, namun cabaran era moden memperlihatkan gejala perpecahan, pengabaian tanggungjawab, dan krisis moral yang berpunca daripada penghakisan nilai hormat. Permasalahan ini menuntut satu pendekatan dakwah yang menekankan bukan sahaja aspek penyampaian mesej Islam, tetapi juga penghayatan nilai yang membentuk akhlak dan adab kekeluargaan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengupas konsep nilai hormat menurut fiqh dakwah, menilai peranannya dalam pembinaan keluarga sejahtera, serta menganalisis relevansinya terhadap gagasan Malaysia Madani. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis kandungan terhadap al-Quran, hadis, pandangan ulama klasik dan kontemporari, serta dokumen berkaitan Malaysia Madani. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai hormat bukan sahaja berfungsi dalam hubungan anak dengan ibu bapa, malah meliputi interaksi suami isteri, hubungan generasi, dan keterhubungan dengan komuniti. Nilai hormat terbukti menjadi mekanisme yang menjaga keharmonian, kestabilan emosi, dan kelestarian institusi keluarga. Kesimpulannya, nilai hormat dalam fiqh dakwah mempunyai signifikansi besar dalam menyokong teras Malaysia Madani yang berasaskan ihsan, akhlak, dan kasih sayang. Implikasi kajian ini menegaskan perlunya nilai hormat diintegrasikan dalam strategi dakwah keluarga, modul pendidikan, dan dasar pembangunan masyarakat bagi memperkukuh modal sosial serta melahirkan keluarga yang sejahtera.

**Kata kunci:** Fiqh Dakwah, Nilai Hormat, Keluarga Sejahtera, Malaysia Madani, Konsep Kekeluargaan Islam.

# **Pendekatan Dakwah Wasatiyyah dalam Mengharmonikan Perbezaan Manhaj Berakidah**

**Mohd Azam Bin Abdullah**

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

\*Corresponding author: alqadahi81@gmail.com

Artikel ini membincangkan pendekatan dakwah wasatiyyah sebagai suatu kerangka yang mampu mengharmonikan perbezaan manhaj dalam berakidah. Perbezaan yang wujud antara aliran akidah seringkali menimbulkan ketegangan dalam kalangan umat Islam, sama ada dari sudut kefahaman teologi, metodologi hujah mahupun cara berinteraksi dengan kelompok yang berbeza. Dalam konteks ini, dakwah wasatiyyah yang berteraskan keseimbangan, toleransi, dan hikmah berperanan sebagai medium penyatuan tanpa menafikan prinsip kebenaran yang digariskan syarak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis literatur klasik dan kontemporari berkaitan konsep wasatiyyah serta pengaplikasiannya dalam isu akidah. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan wasatiyyah menekankan kepada tiga aspek utama: (i) keutamaan nilai persaudaraan Islam berasaskan prinsip al-ikhtilaf yang dibenarkan, (ii) penghindaran daripada sikap ghuluw, takfir dan ekstremisme, serta (iii) penekanan terhadap maqasid syariah dalam mempertahankan kesatuan umat. Justeru, dakwah wasatiyyah bukan sekadar menjadi strategi komunikasi dakwah yang berkesan, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme integrasi umat dalam menghadapi cabaran kepelbagaian manhaj berakidah pada era kontemporari.

**Kata kunci:** dakwah wasatiyyah, akidah, perbezaan manhaj, kesatuan umat, maqasid syariah

# **Pendekatan Self-Healing Dan Hubungannya Dengan Pengurusan Emosi Dalam Kalangan Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia**

**Muhammad Mustaqim bin Amran\* & Siti Aishah binti Yahya**

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

\*Corresponding author: P146947@siswa.ukm.edu.my

Kajian ini meneliti hubungan antara pendekatan self-healing dengan pengurusan emosi dalam kalangan mahasiswa Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dengan memberi tumpuan kepada model kerohanian Imam al-Ghazali melalui karya Minhāj al-'Ābidīn yang menekankan elemen taubat, sabar, tawakal, syukur, muhasabah dan sebagainya sebagai asas kesejahteraan emosi. Latar belakang kajian ini didasari oleh peningkatan isu masalah emosi mahasiswa yang menuntut kepada satu mekanisme sendiri bagi mengekalkan keseimbangan emosi. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap amalan self-healing, meneliti tahap pengurusan emosi serta menganalisis hubungan di antara kedua-duanya dalam konteks mahasiswa fakulti pengajian Islam. Kajian ini melibatkan seramai 36 orang responden mahasiswa sarjana yang dipilih daripada Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan FPI UKM. Data dikumpulkan melalui borang soal selidik yang dianalisis melalui statistik deskriptif (kekerapan, min, peratus) dan korelasi Pearson (hubungan) dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 29. Dapatan menunjukkan min keseluruhan self-healing ialah 4.63, manakala min tahap pengurusan emosi ialah 2.91. Analisis korelasi mendapati terdapat hubungan negatif yang sederhana tetapi signifikan antara selfhealing dengan pengurusan emosi ( $r = -0.35$ ,  $p = 0.036$ ), yang menjelaskan bahawa semakin tinggi tahap self-healing yang diamalkan semakin rendah pergantungan emosi negatif mahasiswa dalam menghadapi tekanan. Hal ini menegaskan kepentingan konsep self-healing Imam al-Ghazali sebagai satu pendekatan Islami yang berpotensi membina daya tahan dalaman serta meningkatkan kecerdasan emosi. Kajian ini memberikan implikasi praktikal kepada mahasiswa untuk lebih mengamalkan pendekatan kerohanian antaranya melalui kaedah selfhealing sebagai strategi menangani tekanan selain memberi nilai tambah kepada wacana psikologi Islam dan pendidikan tinggi. Kesimpulannya, self-healing berteraskan kerohanian mampu menjadi asas pembangunan emosi yang seimbang dan seterusnya melahirkan mahasiswa yang berilmu, berakhlak serta berkualiti.

**Kata kunci:** Self-healing, pengurusan emosi, mahasiswa.

# Persepsi Ibu Bapa Terhadap Peranan Masjid Dalam Perkembangan Sosial Kanak-Kanak

**Novaadila Bt Erizal\* & Mohamad Zulkifli Bin Abdul Ghani**

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

\*Corresponding author: p153786@siswa.ukm.edu.my

Walaupun masjid secara tradisinya berperanan sebagai pusat pembangunan komuniti yang menyeluruh, penyelidikan kontemporari mengenai persepsi ibu bapa terhadap fungsi masjid dalam pembangunan kanak-kanak, terutamanya dari sudut perkembangan sosial, masih terhad. Perkembangan sosial yang ditakrifkan sebagai reaksi kognitif dan tingkah laku yang melibatkan aspek seperti perasaan empati, memahami perasaan orang lain, tanggungjawab, dan penilaian terhadap kesan tingkah laku sosial, adalah domain kritikal yang sering diabaikan. Situasi ini menimbulkan jurang antara jangkaan ideal dan pengalaman sebenar ibu bapa Muslim di Negeri Sembilan mengenai penglibatan anak-anak dalam aktiviti masjid. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk meneliti persepsi ibu bapa tentang peranan masjid dalam memupuk perkembangan sosial kanak-kanak. Reka bentuk tinjauan keratan rentas menggunakan persampelan bertujuan berstrata melibatkan 162 ibu bapa Muslim di Negeri Sembilan yang pernah melibatkan anak-anak mereka dalam aktiviti masjid. Data dikumpulkan menggunakan Skala Persepsi Masjid yang disahkan dan dianalisis melalui statistik deskriptif, ujian-t sampel berpasangan, serta pengiraan saiz kesan menggunakan Cohen's d. Dapatan menunjukkan jangkaan ibu bapa terhadap potensi masjid amat tinggi ( $M = 4.81$ ), berbeza dengan pengalaman sebenar yang sederhana ( $M = 3.67$ ). Jurang antara jangkaan dan realiti sebanyak 1.14 mata ini mempunyai saiz kesan yang besar ( $d = 1.21$ ) dan signifikan secara statistik. Halangan utama termasuk ketiadaan program khusus untuk kanak-kanak (67.9%), kekangan masa ibu bapa (61.1%), dan kemudahan yang tidak mesra kanak-kanak (48.8%). Analisis kualitatif turut mendedahkan keperluan program yang memupuk tingkah laku bekerjasama dan berdikari, yang membentuk perkembangan sosial kanak-kanak. Implikasi kajian mengesahkan teori sistem ekologi Bronfenbrenner dalam konteks institusi Islam dan menunjukkan potensi masjid yang kurang dimanfaatkan sebagai pemudah cara mesosistem. Hasilnya mencadangkan keperluan untuk pembangunan program masjid yang sistematik, peningkatan infrastruktur, dan strategi penglibatan komuniti untuk memenuhi mandat sejarah pembangunan insan yang komprehensif.

**Kata kunci:** Masjid, Perkembangan Sosial, Persepsi Ibu Bapa, Institusi Islam, Penglibatan Komuniti.

## Tasamuh sebagai Asas Pendekatan Dakwah dalam Masyarakat Majmuk: Analisis Kontekstual di Malaysia

**Muhammad Hazim Mohd Azhar\*, Khadijah Mohd Khambali@Hambali, Mohd Zaidi Daud, Shahidra Abdul Khalil, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Alwani Ghazali, Nor Fahimah Mohd Razif, Azizi Che Seman, Muhammad Safwan Harun, Mohd Norhusairi Mat Hussin, Nor Eshah Tom Abdul Wahab, Safiah Najwa Kamalulfaizin & Amiratul Najihah Jumaat Ali**

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

\*Corresponding author: hazimazhar2016@gmail.com

Konsep tasamuh atau secara simplistiknya disebut toleransi dalam Islam merupakan prinsip asas yang mendasari pendekatan dakwah secara berhikmah, berhemah dan berstrategi, khususnya dalam konteks masyarakat majmuk yang berbilang agama, kaum dan budaya. Dalam landskap sosial seperti Malaysia, dakwah tidak boleh bersifat konfrontatif atau eksklusif, tetapi perlu meraikan kepelbagaian serta menyantuni perbezaan secara rasional dan beradab. Kegagalan memahami sensitiviti masyarakat bukan Islam boleh menjejaskan imej Islam dan menimbulkan penolakan terhadap mesej dakwah yang ingin disampaikan. Maka, nilai tasamuh menjadi satu asas penting dalam menyampaikan ajaran Islam secara seimbang tanpa mengabaikan prinsip akidah dan syariah. Makalah ini bertujuan meneliti konsep tasamuh sebagai pendekatan strategik dalam dakwah kepada masyarakat majmuk melalui sorotan literatur dan analisis dokumen berkaitan. Perbincangan juga memberi penekanan kepada peranan tasamuh dalam membina jambatan dialog antara agama, mengelakkan konflik serta membentuk persefahaman bersama yang berasaskan nilai keamanan dan keadilan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan dakwah yang dibina atas landasan tasamuh, hikmah dan mujadalah yang baik mampu menyumbang kepada pembinaan masyarakat harmoni dan mengukuhkan

kedudukan Islam sebagai rahmat untuk seluruh alam. Makalah ini turut mencadangkan supaya nilai tasamuh diarusperdanakan dalam pendidikan, polisi dakwah dan wacana keislaman kontemporari.

**Kata kunci:** Tasamuh, Dakwah, Masyarakat Majmuk, Toleransi, Hikmah

## **Asimilasi Budaya Sebagai Faktor Yang Menyumbang kepada Keharmonian Masyarakat Madani di Kelantan**

**Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin \*, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don & Siti Aishah  
Yahya**

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

\*Corresponding author: ya\_iman@yahoo.com

Kelantan terkenal dengan kepelbagaian etnik, budaya dan agama, telah menunjukkan peningkatan ketara dalam jumlah muafak dalam beberapa dekad terakhir. Percampuran antara golongan muafak dan masyarakat Melayu telah mendorong berlakunya proses asimilasi budaya yang diamalkan dalam kehidupan seharian sehingga sebatik dalam diri muafak. Faktor asimilasi budaya di Kelantan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pendekatan dakwah. Namun demikian, masih terdapat kelompokan dari sudut keberkesanan dakwah yang memerlukan perhatian. Asimilasi budaya sebagai cara hidup dalam sesebuah unit sosial membolehkan individu berinteraksi dan menyesuaikan diri dengan baik dalam masyarakat. Dalam usaha menyampaikan dakwah kepada masyarakat majmuk di Kelantan, pendekatan yang sesuai amat diperlukan memandangkan kepelbagaian latar belakang sosiobudaya. Justeru, artikel ini bertujuan mengupas faktor-faktor asimilasi budaya muafak ke arah pembinaan keharmonian masyarakat madani. Kajian ini menggunakan kaedah analisis literatur dengan merujuk kepada jurnal, buku dan kajian ilmiah yang relevan. Data yang diperolehi dianalisis secara tematik dengan membentuk tema-tema tertentu bagi menjelaskan bagaimana faktor asimilasi budaya boleh menyumbang kepada keharmonian masyarakat di Kelantan. Hasil kajian mendapati bahawa asimilasi budaya antara muafak dan masyarakat Melayu memainkan peranan penting dalam membentuk hubungan sosial yang harmoni sehingga membawa kepada pengukuhan keharmonian masyarakat di negeri Kelantan. Kajian ini turut memberikan implikasi penting terhadap strategi dakwah berasaskan budaya, peranan institusi Islam dan kerajaan, serta sokongan organisasi masyarakat sivil dalam memperkukuh integrasi muafak secara berkesan.

**Kata kunci:** Asimilasi, Budaya, Keharmonian, Masyarakat, Madani

## **The Intersection of Surah Al-Kahf and the 'Malaysia Madani' Concept: Islamic Teaching Principles as a Framework for Societal Harmony and Transformation**

**Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah\***

International Islamic University Malaysia

**Ossman Nordin & Rabi'atul Athirah Muhamad Isa @ Omar**

Institut Pendidikan Islam Kampus Pendidikan Islam Bandar Baru Bangi

\*Corresponding author: nikazizi@iium.edu.my

This study aims to explore the intersection between the teachings of Surah Al-Kahf and the concept of "Malaysia Madani," a national initiative aimed at fostering a progressive, inclusive, and value-driven society. Using a qualitative analysis approach to Quranic narratives, including the stories of Ashab al-Kahf, the Parable of the Two Gardens, the interaction between Prophet Musa (AS) and Khidr, and the leadership of Dhul-Qarnayn, this study identifies core Islamic principles such as faith, humility, justice, compassion, and innovation. These principles are aligned with the six pillars of Malaysia Madani: sustainability, well-being, creativity, respect, confidence, and compassion. The findings reveal that the teachings of Surah Al-Kahf have the potential to serve as a foundation for governance and societal transformation, particularly within multicultural contexts such as Malaysia. This study contributes by offering practical and strategic insights for integrating Islamic values into policy and social development, aimed at building a harmonious, just, and resilient society.

**Keywords:** Surah Al-Kahf, Malaysia Madani, Islamic Principles, Societal Transformation, Harmony in Diversity, Quranic Teachings

## **Pembangunan Kerangka Konsep Edutainment Dakwah di TikTok**

**Muhamad Faisal Ashaari**

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

TikTok sebagai platform video pendek semakin menjadi medium pilihan bagi generasi muda untuk mendapatkan maklumat termasuk berkaitan agama. Namun, kecenderungan kepada hiburan pantas dan visual dinamik menuntut pendekatan dakwah yang mampu mengimbangi daya tarikan platform ini dengan ketulenan mesej Islam. Kertas konsep ini bertujuan membangunkan satu kerangka edutainment bagi dakwah di TikTok supaya kandungan agama disampaikan secara lebih kreatif, interaktif dan tetap berlandaskan prinsip syarak. Reka bentuk konseptual ini dibangunkan melalui sorotan literatur berindeks mengenai teori pembelajaran multimedia, komunikasi dakwah digital, dan edutainment. Berdasarkan sorotan tersebut, satu skema pengkodan dicadangkan yang meliputi tiga domain utama: *plot twist* (elemen kejutan naratif), humor beretika (unsur lucu yang mematuhi adab Islam), dan visual kreatif (teks dinamik, transisi, simbol, warna emosi, props bermakna, animasi ringan). Cadangan metodologi termasuk analisis kandungan video dakwah di TikTok, pengukuran metrik penglibatan (tontonan, suka, komen, perkongsian) dan soal selidik persepsi audiens terhadap kefahaman serta niat pengamalan ibadah. Kerangka konsep ini dijangka menghasilkan garis panduan analitik untuk menilai dan menghasilkan video dakwah berasaskan edutainment yang lebih berkesan. Kombinasi elemen *plot twist*, humor beretika dan visual kreatif diunjurkan meningkatkan keterikatan emosi, kejelasan mesej, penglibatan audiens dan kefahaman terhadap kandungan ibadah. Pendekatan edutainment yang dibangunkan secara berhikmah berpotensi memperkukuh keberkesanan dakwah di TikTok dengan menjadikan mesej Islam lebih menarik, mudah dihayati dan relevan dengan budaya digital generasi muda. Kerangka ini menawarkan asas operasional untuk penyelidikan lanjutan dan panduan praktikal bagi pendakwah serta pencipta kandungan dakwah digital.

**Kata kunci:** edutainment; dakwah digital; plot twist; humor beretika; visual kreatif

## **Perbandingan Antara Kepimpinan Tradisional dan Kepimpinan Kreatif: Implikasi terhadap Pembentukan Kepimpinan Islam**

**Anood Mohammad Al-Marri, Hasanah binti Abd Khafidz\* & Khazri Osman**

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

\*Corresponding author: hasanah@ukm.edu.my

Kertas ini membincangkan perbezaan asas antara kepimpinan tradisional dan kepimpinan kreatif dari segi matlamat, gaya, dan kesan terhadap prestasi organisasi, khususnya dalam konteks organisasi Islam dan pembangunan masyarakat madani. Kepimpinan tradisional berasaskan autoriti hierarki, pematuhan peraturan, serta pengawalan yang ketat terhadap proses organisasi bagi memastikan kestabilan dan keberkesanan operasi. Namun, gaya ini sering kali membataskan potensi inovasi dan penglibatan aktif pekerja. Sebaliknya, kepimpinan kreatif menekankan nilai kolaborasi, demokrasi, dan fleksibiliti dalam proses membuat keputusan. Ia menggalakkan budaya inovasi dan motivasi intrinsik pekerja untuk melahirkan idea baharu serta meningkatkan daya saing institusi. Kajian ini menelusuri peranan nilai-nilai Islam seperti amanah, syura, ihsan, dan keadilan sebagai teras kepada kepimpinan kreatif berasaskan maqasid al-shariah yang menyeimbangkan antara hasil kerja, pembangunan insan, dan kesejahteraan sosial. Hasil perbandingan menunjukkan bahawa model kepimpinan kreatif yang berpaksikan etika Islam mampu memperkukuh struktur organisasi bukan sahaja dari aspek keberkesanan tetapi juga ketelusan dan tanggungjawab moral. Oleh itu, pembentukan kepimpinan Islam yang berteraskan kreativiti amat relevan bagi memperkasa gerakan dakwah dan tadbir urus dalam masyarakat madani masa kini.

**Kata kunci:** kepimpinan tradisional, kepimpinan kreatif, nilai islam, inovasi organisasi

# Elemen Akidah dalam Permainan Video Digital: Dakwah atau Ancaman?

**Yusof Hilmi bin Bakru Rozi\* & Hasanah binti Abd Khafidz**

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

Corresponding author: yusofhilmi141@gmail.com

Kajian ini membincangkan penerapan elemen akidah dalam hiburan Islam dengan menumpukan kepada medium permainan video digital yang semakin popular dalam kalangan remaja masa kini. Dalam perspektif fiqh dakwah, hiburan bukan sekadar alat untuk berseronok, tetapi medan untuk membentuk rohani, moral dan pemikiran umat Islam agar kekal berpaksikan tauhid. Dalam masa yang sama, hiburan juga boleh menjadi ancaman kepada akidah masyarakat. Kajian mendapati bahawa elemen akidah yang menekankan prinsip keesaan Allah, menjauhi syirik, serta menolak unsur tahyul perlu diterapkan dalam kandungan hiburan digital supaya ia tidak menyimpang daripada ajaran Islam. Permainan seperti *Assassin's Creed: Mirage* dan *Knights of the Light* menunjukkan usaha penerapan nilai Islam melalui paparan ibadah seperti solat, wuduk dan azan, serta latar sejarah Islam yang mendidik. Kajian ini menegaskan bahawa pembangunan permainan video berunsur Islam bukan sahaja mampu menarik minat generasi muda, malah berpotensi menjadi medium tarbiah dan dakwah yang efektif dalam dunia moden. Dengan pendekatan fiqh yang progresif, hiburan digital dapat diimbangi antara keperluan spiritual dan kemajuan teknologi, sekaligus membentuk generasi remaja yang berilmu, berakhlak dan beriman. Walau bagaimanapun, kawalan dan pemantauan berkaitan kepatuhan akidah dalam permainan video digital hendaklah dilaksanakan oleh pihak berkuasa dengan kerjasama pengguna terutamanya golongan remaja.

**Kata kunci:** akidah, hiburan Islam, permainan video, remaja, dakwah digital

# PENGHARGAAN

*Sekalung penghargaan diucapkan kepada  
semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung  
bagi menjayakan seminar ini, terutamanya kepada  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,  
Kelab Jabatan Dakwah dan Kepimpinan,  
para pembentang, peserta dan urus setia seminar.*

